



Budaya Debat Perlu disemai Oleh Pelajar IPT



Datuk Saifuddin Abdullah (dua dari kanan) bersama dua pendebat Keeren S. Rajoo (dua dari kiri) dan Meor Alif Meor Azalan (kiri) yang mewakili universiti tempatan pada GEMS-WUPID.

SERDANG, 18 Oktober - Budaya debat perlu disemai oleh pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi memastikan negara tidak ketandusan pendebat berkaliber pada masa depan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah berkata aktiviti debat kini merupakan lapan teras utama kokurikulum di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Kementerian melihat secara serius acara debat sebagai platform terbaik pembinaan karektor pelajar IPT. Debat kini merupakan kluster ke-8 di bawah aktiviti ‘public speaking’ bertujuan menggalakkan pelajar menerokai idea baharu di samping memberikan impak kepada masyarakat masa kini.”

“Pada masa ini, debat belum lagi menjadi satu budaya terutamanya di kalangan pelajar universiti negara ini,” katanya pada majlis Sidang Media Pra Pelancaran Kejuhanan Debat – World Universities Peace Invitational Debate (GEMS-WUPID) anjuran Bahagian Komunikasi Korporat bersama H&G Strategic Communications di Hotel Legend baru-baru ini.



Beliau berharap dengan penganjuran kejuhanan GEMS-WUPID membolehkan pendebat bertukar-tukar pandangan selain memperbaiki kemahiran komunikasi masing-masing.

“Kejuhanan ini berkonsepkan sistem debat yang diamalkan di Parlimen United Kingdom (UK) iaitu melibatkan empat kumpulan yang terdiri daripada dua pendebat bagi setiap sesi,” katanya.

Pengarah Jawatankuasa Penganjuran GEMS-WUPID, Shamsul Azhar Ismail berkata sebanyak 30 universiti dari seluruh dunia dijangka menyertai GEMS-WUPID yang akan diadakan di UPM pada 18 Disember depan.

"WUPID bukan sahaja sekadar kejohanan debat ia juga adalah pemasaran idea dan menjadi platform para belia berbincang serta membahas polisi antarabangsa yang dicadangkan," katanya.

Sementara itu, objektif kejohanan ini adalah untuk melahirkan pendebat universiti yang terbaik bagi membincangkan serta membahaskan isu berkaitan dengan keamanan dan formula penyelesaian sebarang kemungkinan semasa sesi debat.

Selain itu, aktiviti debat seperti ini dapat menyuburkan toleransi dan hormat menghormati antara para pendebat.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi 03-89466013, Unit Foto BKK 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia